

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Online

Tarikh : 02/07/2024

Edisi / Muka Surat : [www.utusanborneo.com.my](http://www.utusanborneo.com.my)

Tajuk : CSR KUSKOP, Pusat Khidmat Parlimen Penampang Bantu Mangsa Banjir

## CSR KUSKOP, Pusat Khidmat Parlimen Penampang Bantu Mangsa Banjir



*CSR: Ewon bersama wakil agensi KUSKOP semasa menyampaikan bantuan bakul makanan kepada penduduk kampung yang terjejas banjir.*

**PENAMPANG:** Beberapa agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi membantu mangsa banjir di daerah ini.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick bersama agensi-agensi kementeriannya giat turun padang menyampaikan sumbangan bakul makanan dan minuman kepada penduduk kampung yang terjejas banjir.

Antara agensi yang terlibat termasuklah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMA), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) serta pegawai dari Pusat Khidmat Parlimen Penampang dan sukarelawan.

"Saya melawat beberapa rumah penduduk di Kampung Proper dan mereka menyatakan inilah banjir yang paling besar.

"Kami amat bersimpati dengan kesulitan yang mereka hadapi dan berharap sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan bebanan mereka," katanya selepas mengadakan lawatan itu di sini hari ini.



*SUMBANGAN: Penduduk kampung yang terjejas banjir menerima bantuan bakul makanan dan minuman yang disampaikan oleh Ewon.*

Mengenai bekalan elektrik yang terputus akibat banjir, Ewon berkata, bekalan elektrik sudah dipulihkan namun, tekanan bekalan air paip masih rendah disebabkan stesen loji air Kasigui yang belum beroperasi.

"Saya lahir di kampung ini dan di Penampang inilah sentiasa terkesan banjir apabila hujan lebat. Semoga bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu keperluan mereka," katanya.

Selepas itu, beliau sempat mengadakan tinjauan di Sekolah Kebangsaan (SK) St Theresa Inobong dekat sini yang terjejas teruk akibat banjir.

Semua kelengkapan sekolah iaitu kerusi, meja, mesin percetakan, buku teks, fail-fail sekolah dan kelengkapan lain di aras bawah musnah sama sekali.

"Saya menghargai sumbangan Pembantu Menteri Belia dan Sukan Datuk Fairuz Renddan yang mengetuai usaha gotong-royong membersihkan lumpur di sekolah ini bersama dengan pasukan sukarelawan, guru-guru dan anggota bomba," katanya.

Semasa tinjauan itu juga, beliau menyampaikan sumbangan sebanyak RM10,000 kepada pihak sekolah bagi membantu usaha-usaha berkaitan pembersihan sekolah.

Beliau turut memaklumkan akan mendapatkan laporan terperinci daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Penampang mengenai penilaian kerosakan akibat banjir bagi sekolah-sekolah di Penampang untuk dibawa ke mesyuarat kabinet Jumaat ini.

"Bagi murid-murid yang kehilangan alat tulis, buku kerja, beg, baju dan kasut sekolah, saya meminta senarai daripada Guru Besar dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

"Saya turut meminta Bank Rakyat dan Yayasan Bank Rakyat iaitu agensi di bawah KUSKOP untuk membantu para pelajar yang terkesan," katanya.